

Senat

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Dok.5.2/184

Cadangan Garis Panduan bagi *Programme Self Assesment Report (PSAR)*, Universiti Malaysia Sarawak

1. Tujuan

Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon perakuan dan kelulusan Mesyuarat Senat Bil.08/2019 Ke-184 berhubung cadangan garis panduan bagi *Programme Self Assesment Report (PSAR)*, Universiti Malaysia Sarawak.

2. Latar Belakang

2.1 *Programme Self Assesment Report (PSAR)* adalah pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam pemantauan dan penyemakan program yang akan memberi impak kepada kualiti institusi mengikut Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (GGP: MR-CIIQ) yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

2.2 Kitaran penambahbaikan kualiti berterusan merupakan satu mekanisme yang sistematik dan berstruktur agar universiti mencapai visi, misi, dan matlamat pendidikannya, dan juga untuk menambah baik secara berterusan sistem jaminan kualiti dalaman. Kitaran penambahbaikan kualiti berterusan ini merupakan satu proses kitaran yang berterusan, menggariskan satu model yang lazim digunakan dan diterima berasaskan kitaran *Plan-Do-Check-Act (PDCA)*.

2.3 Pada peringkat program, GGP: MR-CIIQ merujuk kepada proses berkala bagi menyemak kaedah (seperti kaji selidik dan pengumpulan data serta analisis) dan aktiviti (contohnya penambahbaikan kurikulum), yang digunakan untuk pemantauan dan penyemakan program akademik lebih sistematik. Laporan ini merupakan proses refleksi sendiri yang dibuat secara kritikal yang tertumpu kepada prestasi dan keberkesanan program tersebut.

2.4 Pemantauan program tahunan ini memberi penekanan kepada pengukuhan kualiti pengalaman pembelajaran pelajar dan penambahbaikan sistem penyampaian program.

2.5 Garis Panduan ini bertujuan untuk:

- i) Memberi penjelasan terperinci dalam penyediaan PSAR.
- ii) Mewujudkan keseragaman dalam pelaporan PSAR di Universiti Malaysia Sarawak.

- iii) Memenuhi keperluan MQA setiap kali lawatan audit akreditasi diadakan.
- iv) Memastikan tindakan pembedahan diambil ke atas perkara-perkara yang dilaporkan.

2.6 Perbincangan bersama Ketua Pengurusan Kualiti Akademik Fakulti telah dibuat untuk membincangkan kertas kerja yang mencadangkan proses kerja bagi PSAR ini.

3. Cadangan

3.1 Setiap program akademik perlu menghantar PSAR bagi setiap tahun akademik.

3.2 Pemantauan program turut mengenal pasti isu dan kekurangan dalam mengekalkan standard akademik, agar tindakan wajar dapat dilaksanakan bagi menambah baik standard akademik. Pemantauan program akan dapat membantu memperkaya kualiti pengalaman pelajar dengan:

- i) memberi ruang untuk penyemakan secara berterusan;
- ii) mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan; dan
- iii) mengenal pasti isu yang berkaitan agar tindakan pembedahan yang wajar dapat dilaksanakan.

3.3 Maklumat di dalam PSAR yang perlu dilaporkan oleh Penyelaras Program adalah berdasarkan sumber-sumber seperti berikut:

Bidang Kod Amalan Akreditasi Program	Sumber berkaitan
Bidang 1: Reka Bentuk Program dan Kaedah Pengajaran-Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> i) Program Standard (jika berkaitan) ii) Pemeriksa luar, profesor pelawat, profesor adjung. iii) Maklumbalas panel MQA (jika berkaitan) iv) Tinjauan pemegang taruh. v) Perubahan dalam peraturan luaran dan keperluan industri: akta, dasar, standard, permintaan pasaran (jika berkaitan). vi) Laporan Penasihat Industri, Pemeriksa Luar Program dan <i>Subject Matter Expert</i>
Bidang 2: Penilaian Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> i) Pencapaian graduan dari aspek hasil program (Analisis PEO, analisis tinjauan pelajar). ii) Artikulasi, hala tuju dan prestasi pelajar (termasuk kemajuan dan kadar keciciran. Contohnya, PNGK, pencapaian CLO/PLO dan sebagainya yang berkaitan).
Bidang 3: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> i) Bilangan pendaftaran dan bilangan pelajar terkini (perbandingan dengan tahun-tahun sebelumnya).

Bidang 4: Pengajaran dan staf sokongan	<ul style="list-style-type: none"> i) Nisbah pensyarah kepada pelajar ii) Kelayakan pensyarah dan badan professional iii) Senarai staf bukan akademik iv) Penilaian pensyarah oleh pelajar
Bidang 5: Sumber Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> i) Sumber dan kemudahan yang disediakan berkaitan dengan program (bahan rujukan, infrastruktur dan infrastruktur)
Bidang 6: Pengurusan Program	<ul style="list-style-type: none"> i) Latihan yang telah dihadiri oleh staf berkaitan dengan kepimpinan, pengurusan, pembangunan dan kualiti program
Bidang 7: Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan	<ul style="list-style-type: none"> i) Perubahan kurikulum melalui Laporan CQI/minit mesyuarat CQI ii) Penandaarasan iii) Indeks Pencapaian Program (pencapaian terkini)

3.4 Penyelaras Program bertanggungjawab dalam menghasilkan PSAR dan perlu disemak bersama bukti-bukti berkaitan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Fakulti. PSAR perlu disahkan oleh Dekan dan dihantar ke Bahagian Jaminan Kualiti Akademik.

3.5 Lampiran 1 adalah Garis Panduan *Programme Self Assessment Report* (PSAR) Universiti Malaysia Sarawak.

4. Syor

Mesyuarat Senat Bil.08/2019 Ke-184 adalah dengan segala hormatnya dimohon untuk meluluskan cadangan seperti di dalam Perkara 3.

Garis Panduan *Programme Self Assessment Report* (PSAR)

Universiti Malaysia Sarawak

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 *Programme Self Assessment Report* (PSAR) adalah pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam pemantauan dan penyemakan program yang akan memberi impak kepada kualiti institusi mengikut Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Institusi Berterusan (GGP: MR-CIIQ) yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia.
- 1.2 Kitaran penambahbaikan kualiti berterusan merupakan satu mekanisme yang sistematik dan berstruktur agar universiti mencapai visi, misi, dan matlamat pendidikannya, dan juga untuk menambah baik secara berterusan sistem jaminan kualiti dalaman.
- 1.3 Di peringkat program, GGP: MR-CIIQ merujuk kepada proses berkala bagi menyemak kaedah (seperti kaji selidik dan pengumpulan data serta analisis) dan aktiviti (contohnya penambahbaikan kurikulum), yang digunakan untuk pemantauan dan penyemakan program akademik secara sistematik. Laporan ini merupakan proses refleksi sendiri yang dibuat secara kritikal dan tertumpu kepada prestasi dan keberkesanan program tersebut.
- 1.4 Pemantauan program tahunan ini memberi penekanan kepada pengukuhan kualiti pengalaman pembelajaran pelajar dan penambahbaikan sistem penyampaian program.
- 1.5 Garis panduan ini adalah untuk penyelarasan program akademik di UNIMAS dalam menyediakan laporan sendiri (PSAR).

2.0 NAMA DAN TARIKH BERKUAT KUASA

Panduan ini dinamakan Garis Panduan Laporan Kendiri Program Universiti Malaysia Sarawak. Panduan ini akan berkuat kuasa mulai Sesi 2019/2020 berdasarkan kelulusan Senat xx Bil. xx/20xx dan akan digunakan oleh semua Fakulti/Pra-Universiti/Institut yang menawarkan program akademik di UNIMAS.

3.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk:

- i) Memberi penjelasan terperinci dalam penyediaan Laporan Kendiri Program.
- ii) Mewujudkan keseragaman dalam Laporan Kendiri Program di Universiti Malaysia Sarawak.
- iii) Memenuhi keperluan MQA setiap kali lawatan audit akreditasi diadakan.
- iv) Memastikan tindakan pembetulan diambil ke atas perkara-perkara yang dilaporkan.

4.0 DEFINISI

4.1 *Programme Self Assesment Report (PSAR)*

Laporan Kendiri Program atau dikenali sebelum ini sebagai *Self- Review Report (SRR)* telah mula diperkenalkan pada tahun 2017. Untuk mengelakkan kekeliruan dengan Laporan Kendiri Program yang dihantar ke MQA, SRR ini dijenamakan semula sebagai *Programme Self Assesment Report (PSAR)*.

4.2 Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) di peringkat UNIMAS.

Kitaran penambahbaikan kualiti berterusan merupakan satu proses kitaran yang berterusan serta menggariskan satu model yang lazim digunakan dan diterima berasaskan Rancang-Laksana-Pantau dan semak (Periksa)-Tambahbaik (Tindak) iaitu dikenali sebagai kitaran PDCA.

Amalan CQI adalah penting dalam pencapaian visi, misi, matlamat pendidikan dan hasil pembelajaran. Ia juga perlu bagi tujuan keberkesanan dan kesesuaian berterusan sistem jaminan kualiti dalaman (IQA) Universiti serta program akademiknya. Pendekatan lazim kepada CQI melibatkan beberapa peringkat.

PSAR merupakan mekanisme sokongan untuk melaksanakan peringkat-peringkat ini:

- i. Rancang: Membangunkan atau mengkaji semula strategi PPT dan/atau pelan penambahbaikan selaras dengan penambahbaikan yang dikehendaki;
- ii. Laksana: Mengatur pelan strategik dan/atau pelan penambahbaikan ;
- iii. Pantau dan Semak: Mengukur dan menganalisis pencapaian sasaran yang ditetapkan; membuat refleksi terhadap jurang pencapaian dan kesesuaian pelan strategik dan/atau pelan penambahbaikan;
- iv. Tambah Baik: Melaksanakan penambahbaikan atau membangunkan pelan penambahbaikan berasaskan prestasi berkaitan dengan sasaran dan kesesuaian pelan strategik dan/atau pelan penambahbaikan.

5.0 KAEDAH PENULISAN PSAR

5.1 Pada peringkat program, GGP: MR-CIIQ merujuk kepada proses berkala bagi menyemak kaedah (seperti kaji selidik dan pengumpulan data serta analisisnya) dan aktiviti (contohnya penambahbaikan kurikulum) untuk pemantauan dan penyemakan program.

5.2 Pemantauan program meneliti setiap program akademik secara keseluruhan, termasuklah kurikulum, pembelajaran dan pengajaran, kaedah penilaian, persekitaran pembelajaran, sumber fizikal dan pendidikan (termasuk sumber pendidikan digital), input staf, input pelajar, input daripada pemeriksa luar serta input lembaga penasihat industri. Pemantauan dilakukan dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi

mengesan kualiti program dan mengenal pasti risiko yang timbul. Oleh itu, pemantauan akan digunakan sebagai input bagi tujuan penambahbaikan kepada program akademik.

5.3 Pemantauan program merupakan aktiviti yang menjelaskan objektif program; mengaitkan aktiviti dan sumber dengan objektif; menjadikan objektif sebagai penunjuk prestasi dan menetapkan sasaran; mengumpul data mengenai penunjuk ini secara rutin dan membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran.

5.4 Secara umumnya, pemantauan program dapat:

- i. Mengenal pasti isu utama yang berkaitan dengan standard akademik, kualiti pengalaman belajar pelajar, reka bentuk dan kandungan program;
- ii. Menganalisis isu yang dibangkitkan dalam data prestasi pelajar (penunjuk prestasi program seperti kemasukan, pendaftaran, kelayakan kemasukan dan hala tuju, pengesanan, kemajuan, tamat belajar, kelayakan tamat pengajian);
- iii. Menganalisis isu yang dibangkitkan dalam maklum balas dalaman pelajar dan tinjauan luaran seperti kajian pengesanan;
- iv. Menyemak isu-isu yang lain seperti isu kebolehgajian graduan atau isu-isu kemahiran insaniah serta kelestarian program. Program perlu memastikan bahawa standard akademik asas dipenuhi dalam penganugerahan kelayakan dengan menjajarkan hasil pembelajaran program dengan huraian kelayakan yang relevan (di Malaysia, ini merujuk kepada Kerangka Kelayakan Malaysia, MQF).

Penyelaras Program bertanggungjawab bagi memastikan program selaras dengan standard akademik, termasuk matlamat pendidikan PPT dan ciri graduan seperti yang diperihal dalam Standard Program serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan profesional. Pemantauan program menyediakan maklumat sama ada standard akademik serta standard asas dikekalkan.

Pemantauan program turut mengenal pasti isu dan kekurangan dalam mengekalkan standard akademik, agar tindakan wajar dapat dilaksanakan bagi menambah baik standard akademik. Pemantauan program akan dapat membantu memperkaya kualiti pengalaman pelajar dengan:

- i. memberi ruang untuk penyemakan secara berterusan;
- ii. mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan; dan
- iii. Mengenal pasti isu yang berkaitan dengan program akademik agar dapat melaksanakan tindakan pembetulan yang wajar.

Data berikut digunakan dalam pemantauan program:

- i. Pendaftaran pelajar: Maklumat mengenai kadar kemasukan pelajar, syarat-syarat kemasukan dan perubahan kepada syarat-syarat sekiranya ada, kadar pengekalan, penamatan, kemajuan, perkadaran dalam kategori penganugerahan kelayakan, perbezaan dalam pencapaian antara subkumpulan pelajar, penangguhan, rujukan dan kadar kegagalan dalam program;
- ii. Artikulasi dan laluan pelajar yang berdaftar dengan prestasi pelajar (termasuk kemajuan dan keciciran), strategi yang digunakan untuk menambah baik hasil pelajar, pendaftaran pelajar dan pengurangan kadar keciciran;
- iii. Prestasi pelajar: Maklumat atau rekod mengenai prestasi pelajar pada peringkat program, kadar pendaftaran dan kemajuan serta pengekalan mereka. Maklumat mengenai peperiksaan pertengahan dan akhir, markah tugasan, markah dalam projek, penilaian serta laporan kehadiran juga perlu bagi memantau program melalui prestasi pelajar;
- iv. Perubahan pada kurikulum daripada pemantauan modul: Input dalam pemantauan modul seperti maklum balas dan aduan pelajar, rekod penilaian pelajar, maklum balas staf akademik dan komen-komen pihak berkepentingan seperti Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Agensi Kelayakan Malaysia MQA, Panel Penasihat Industri dan Pemeriksa Luar boleh digunakan bagi memperkenalkan perubahan signifikan dalam kurikulum;
- v. Pencapaian hasil program oleh graduan: Maklumat atau data daripada alumni dan majikan sememangnya berguna bagi mengenal pasti keberkesanan program dan memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran dan kompetensi yang telah ditetapkan program;
- vi. Perubahan dalam peraturan luaran dan keperluan industri, akta, dasar, standard serta permintaan pasaran;
- vii. Penyemakan staf akademik dan sumber pendidikan: Hal ini termasuk laporan penyemakan staf akademik yang boleh memberi maklumat mengenai jangkaan program dan tugas yang dijalankan oleh staf akademik. Begitu juga dengan laporan penyemakan mengenai sumber pendidikan yang juga penting dalam pemantauan program. Penyemakan sumber pendidikan boleh merangkumi maklumat sumber yang diperlukan untuk program dan setiap modul, sumber yang sedia ada dan keberkesanan sumber tersebut.
- viii. Pencapaian Sasaran Tahunan semasa yang ditetapkan oleh universiti.

6.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Sumber-sumber yang berkaitan dengan PSAR perlu disemak oleh Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Fakulti. Maklumat di dalam PSAR yang perlu dilaporkan oleh Penyelaras Program adalah berdasarkan sumber-sumber seperti berikut:

Bidang Kod Amalan Akreditasi Program	Sumber berkaitan
Bidang 1: Reka Bentuk Program dan Kaedah Pengajaran-Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> i) Program Standard (jika berkaitan) ii) Pemeriksa luar, profesor pelawat, profesor adjung. iii) Maklumbalas panel MQA (jika berkaitan) iv) Tinjauan pemegang taruh. v) Perubahan dalam peraturan luaran dan keperluan industri: akta, dasar, standard, permintaan pasaran (jika berkaitan). vi) Laporan Penasihat Industri, Pemeriksa Luar Program dan <i>Subject Matter Expert</i>
Bidang 2: Penilaian Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> i) Pencapaian graduan dari aspek hasil program (Analisis PEO, analisis tinjauan pelajar). ii) Artikulasi, hala tuju dan prestasi pelajar (termasuk kemajuan dan kadar keciciran. Contohnya, PNGK, pencapaian CLO/PLO dan sebagainya yang berkaitan).
Bidang 3: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> i) Bilangan pendaftaran dan bilangan pelajar terkini (perbandingan dengan tahun-tahun sebelumnya).
Bidang 4: Pengajaran dan staf sokongan	<ul style="list-style-type: none"> i) Nisbah pensyarah kepada pelajar ii) Kelayakan pensyarah dan badan professional iii) Senarai staf bukan akademik iv) Penilaian pensyarah oleh pelajar
Bidang 5: Sumber Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> i) Sumber dan kemudahan yang disediakan berkaitan dengan program (bahan rujukan, infrastruktur dan infrastruktur)
Bidang 6: Pengurusan Program	<ul style="list-style-type: none"> i) Latihan yang telah dihadiri oleh staf berkaitan dengan kepimpinan, pengurusan, pembangunan dan kualiti program
Bidang 7: Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan	<ul style="list-style-type: none"> i) Perubahan kurikulum melalui Laporan CQI/minit mesyuarat CQI) ii) Penandaarasan iii) Indeks Pencapaian Program (pencapaian terkini)


7.0 PROSEDUR PENGURUSAN

- i) Setiap program akademik perlu menghantar *Programme Self Assesment Report* (PSAR) setiap tahun akademik.
- ii) Penyelaras Program bertanggungjawab dalam menghasilkan PSAR.
- iii) PSAR bersama bukti-bukti berkaitan perlu disemak oleh Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Fakulti.
- iv) PSAR ini perlu disahkan oleh Dekan.
- v) Selepas disahkan oleh Dekan, laporan sendiri perlu dihantar bersama memo ke Bahagian Jaminan Kualiti Akademik (BJKA) untuk makluman.
- vi) BJKa menyediakan dokumen rumusan dan analisis risiko.
- vii) Rumusan laporan dihantar ke fakulti untuk verifikasi.
- viii) Dekan mengambil tindakan dan menyediakan laporan kemajuan berkaitan dengan setiap isu kepada urusetia Mesyuarat Sistem Pengurusan Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS.
- ix) BJKa memanjangkan isu yang tidak dapat diselesaikan diperingkat fakulti ke PTj yang berkenaan.
- x) Tindakan diambil oleh PTj yang berkenaan dan menyediakan laporan kemajuan berkaitan setiap isu kepada urusetia Mesyuarat Sistem Pengurusan Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS yang seterusnya.
- xi) Dekan Fakulti memaklumkan kepada Penyelaras Program berkenaan dengan perkara yang telah diselesaikan/belum diselesaikan, dikemaskini oleh Penyelaras Program dan dilaporkan dalam PSAR pada sesi seterusnya.
- xii) Rujuk lampiran A untuk proses kerja bagi laporan PSAR ini.

Rujukan:

Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan dan Penambahbaikan Kualiti Insitusi Berterusan.
Agensi Kelayakan Malaysia

Proses Kerja bagi *Programme Self Annual Report (PSAR)*



FQMC: Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Fakulti

PSAR: Laporan Kendiri Program

MSPJKA: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jaminan Kualiti Akademik ** Diluluskan Senat Bil 08/017 ke -164